

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Khamis, 2 Oktober 2025**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN STOK MODAL 2024

**Malaysia mengukuhkan kedudukan ekonomi dengan aset tetap bernilai
RM5.8 trilion pada tahun 2024**

PUTRAJAYA, 2 OKTOBER 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan statistik berkenaan **Stok Modal bagi tahun 2024**. Statistik ini menyediakan maklumat penting berkaitan aset tetap terkumpul Malaysia dan penyusunan stok modal disusun berdasarkan kepada rangka kerja yang digariskan dalam *Measuring Capital OECD Manual 2009* dan *System of National Accounts 2008*.

Stok Modal Kasar (SMK) menunjukkan modal terkumpul bagi aset tetap negara, merekodkan RM5.8 trilion pada tahun 2024 dengan pertumbuhan 3.6 peratus. Pada masa yang sama, Stok Modal Produktif (SMP) mengukur aset yang masih beroperasi dan terus menyumbang kepada keluaran ekonomi, meningkat 3.8 peratus kepada RM4.8 trilion. Selain itu, Stok Modal Bersih (SMB) merujuk kepada kekayaan ekonomi dalam aset tetap, berjumlah RM3.6 trilion dan berkembang 3.8 peratus (2023: 2.9%).

Menurut Ketua Perangkaan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Peningkatan SMB pada tahun 2024 didorong oleh prestasi yang lebih baik di kesemua sektor utama. SMB bagi sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 4.5 peratus berbanding 3.5 peratus pada tahun 2023, manakala sektor Pembuatan meningkat kepada 4.8 peratus (2023: 3.2%). Kedua-dua sektor Perlombongan & pengkuarian serta sektor Pertanian masing-masing mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus."

Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada SMB, yang merangkumi 69.5 peratus (RM2.5 trilion) pada tahun 2024. Sumbangan ini dipacu oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (33.7%), Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (19.2%) dan Utiliti (11.1%). Selain itu, SMB bagi sektor Pembuatan menyumbang 11.9 peratus (RM427.7 bilion) daripada jumlah SMB. Ini disumbangkan oleh subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik (36.3%) diikuti oleh subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (33.0%). Manakala, subsektor Makanan, minuman & tembakau juga menyumbang sebanyak 11.5 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Dari segi jenis aset pula, Struktur meningkat 3.8 peratus (2023: 3.1%) manakala Jentera & peralatan bertumbuh 5.7 peratus (2023: 2.7%) pada tahun 2024. Selain itu, Aset lain mencatatkan pertumbuhan 1.5 peratus berbanding 1.0 peratus pada tahun sebelumnya. SMB didominasi oleh Struktur dengan sumbangan sebanyak 81.1 peratus. Ini diikuti oleh Jentera & peralatan yang merangkumi 11.1 peratus serta Aset lain yang merekodkan 7.8 peratus."

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2 OKTOBER 2025

Carta 1: SMK, SMP dan SMB - Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan pada Harga Malar 2015



Carta 2: SMB - Komposisi Mengikut Jenis Aset pada Harga Malar 2015



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Berdasarkan kepada *Measuring Capital OECD Manual 2009*, anggaran stok modal memberikan maklumat mengenai stok modal yang wujud dalam sebuah ekonomi pada satu masa tertentu. Stok modal terdiri daripada semua aset tetap seperti mesin, peralatan, bangunan dan struktur lain yang digunakan oleh perusahaan untuk memberikan input perkhidmatan modal ke dalam proses pengeluaran. Ini adalah salah satu input dalam proses pengeluaran yang dapat digunakan untuk menganggarkan potensi output masa hadapan. Terdapat tiga ukuran stok modal yang berbeza: kasar, bersih dan produktif.